



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA

KETETAPAN UMUM BIL. 1/2020

TARIKH KUATKUASA : 30 JULAI 2020

KETETAPAN UMUM

Mengikut seksyen 10F Akta Kastam 1967, Ketua Pengarah Kastam mengeluarkan Ketetapan Umum Bil: 1/2020 yang menggariskan permohonan semakan semula ke atas keputusan Ketua Pengarah Kastam yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Levi Pelepasan 2018, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Akta Zon Bebas 1990.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baru atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 30 Julai 2020

Tarikh kemaskini : 19 Ogos 2021

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini.

KANDUNGAN

PENGENALAN.....2

TAFSIRAN.....2

PERUNDANGAN.....3

KETETAPAN DAN PENERANGAN.....4

SOALAN-SOALAN LAZIM.....6

MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN7

PENGENALAN

1. Mana-mana orang yang terkilang dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam yang dibuat secara bertulis boleh membuat permohonan semakan semula.
2. Ketetapan ini menjelaskan prosedur permohonan semakan semula ke atas keputusan Ketua Pengarah Kastam yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Levi Pelepasan 2019, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Akta Zon Bebas 1990.

TAFSIRAN

3. Dalam Ketetapan Umum ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –**“keputusan Ketua Pengarah Kastam”** ertinya keputusan muktamad yang dibuat secara bertulis oleh –
 - (i) Ketua Pengarah Kastam;
 - (ii) mana-mana pegawai kanan kastam yang berjawatan Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah bagi pihak Ketua Pengarah yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dan Akta Cukai Pelancongan 2017.¹
 - (iii) mana-mana pegawai kanan cukai jualan/cukai perkhidmatan bagi pihak Ketua Pengarah Kastam yang dibuat di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.²
 - (iv) mana-mana pegawai kanan kastam bagi pihak Ketua Pengarah Kastam yang dibuat di bawah Akta Levi Pelepasan 2019.³

¹ ss.3(3) Akta Kastam 1967, ss.4(1) Akta Eksais 1976, ss.2(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, ss.2 Akta Cukai Pelancongan 2017;

² ss.3(2) Akta Cukai Jualan 2018, ss.3(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018;

“**Pemohon**” ertinya mana-mana orang yang telah menerima suatu keputusan Ketua Pengarah Kastam dan orang itu terkilang dengan keputusan yang diterima itu;

“**Unit Semakan Semula**” ertinya Unit Semakan Semula, Cawangan Pendakwaan, ABT dan Rayuan, Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia;

“**Tribunal**” ertinya Tribunal Rayuan Kastam;

“**duti**” ertinya duti kastam seperti yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 atau duti eksais yang dikenakan di bawah Akta Eksais 1976;

“**cukai**” ertinya cukai jualan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 atau cukai perkhidmatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018;

“**levi**” ertinya levi yang dikenakan di bawah Akta Levi Pelepasan 2019;

PERUNDANGAN

4. Ketetapan umum ini dibuat selaras dengan peruntukan undang-undang berhubung semakan semula seperti berikut:
 - (i) Seksyen 143, Akta Kastam 1967;
 - (ii) Seksyen 47 Akta Eksais 1976;
 - (iii) Seksyen 96, Akta Cukai Jualan 2018;
 - (iv) Seksyen 81, Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - (v) Seksyen 59, Akta Levi Pelepasan 2019;
 - (vi) Seksyen 124, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;
 - (vii) Seksyen 67, Akta Cukai Pelancongan 2017;
 - (viii) Seksyen 46, Akta Zon Bebas 1990;
 - (ix) Peraturan 57, Peraturan-Peraturan Kastam 2019;
 - (x) Peraturan 60B, Peraturan-Peraturan Eksais 1977;
 - (xi) Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018;

³ ss.4(2) Akta Levi Pelepasan 2019;

- (xii) Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; dan
- (xiii) Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Levi Pelepasan 2019.

HAK DAN MASA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA

5. Keputusan Ketua Pengarah Kastam yang layak dibuat permohonan semakan semula hanyalah keputusan berhubung perkara di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Levi Pelepasan 2019, Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Akta Zon Bebas 1990 yang merangkumi keputusan seperti berikut:
 - (i) Keputusan Ketetapan Kastam yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014; atau
 - (ii) Keputusan-keputusan lain yang telah dimuktamadkan.
6. Keputusan Ketua Pengarah Kastam yang tidak layak dibuat permohonan semakan semula adalah⁴ –
 - (i) Perkara berkaitan kompaun;
 - (ii) Perkara di bawah seksyen 128(3) Akta Kastam 1967; dan
 - (iii) Perkara di bawah seksyen 67(3) Akta Eksais 1976.
7. Permohonan semakan semula hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pemberitahuan mengenai keputusan Ketua Pengarah Kastam dengan syarat tiada rayuan difailkan ke Tribunal atau Mahkamah Tinggi atas keputusan yang sama.⁵
8. Permohonan semakan semula **TIDAK AKAN DIPROSES** jika permohonan itu:
 - (i) dikemukakan selepas tempoh 30 hari daripada tarikh pemberitahuan mengenai

⁴ ss.143(4) Akta Kastam 1967, ss.47(3) Akta Eksais 1976, ss.96(3) Akta Cukai Jualan 2018, ss.81(3) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, ss.59(3) Akta Levi Pelepasan 2019, ss.124 Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014, ss.67 Akta Cukai Pelancongan 2017, dan ss.46 Akta Zon Bebas 1990

⁵ ss.143(1) Akta Kastam 1967.

- keputusan Ketua Pengarah Kastam;
- (ii) melibatkan keputusan Ketua Pengarah Kastam yang sama yang telah dirayu kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi;
 - (iii) telah dibuat keputusan semakan semula dan keputusannya telah dikeluarkan kepada Pemohon; atau
 - (iv) melibatkan keputusan berhubung kompaun, perkara di bawah subseksyen 128(3) Akta Kastam 1967 dan subseksyen 67(3) Akta Eksais 2018.
9. Keputusan semakan semula adalah muktamad dan akan dikeluarkan di mana praktik dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerimaan keputusan Ketua Pengarah Kastam. Bagaimanapun tempoh 60 hari terlibat tidak terpakai dan tidak akan dilanjutkan jika pemohon tidak mengemukakan maklumat atau dokumen yang lengkap.⁶
10. Permohonan semakan semula ke atas satu keputusan Ketua Pengarah Kastam hanya boleh dibuat sekali sahaja. Tiada permohonan semakan semula boleh dibuat kali kedua atau berulang kali setelah keputusan semakan semula dikeluarkan kepada Pemohon.
11. Pemohon yang masih tidak berpuas hati dengan keputusan semakan semula hanya boleh membuat rayuan ke Tribunal atau Mahkamah Tinggi.

PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA

12. Permohonan semakan semula hendaklah dibuat secara atas talian melalui Aplikasi Permohonan Semakan Semula yang boleh diakses menerusi pautan <http://ereview.customs.gov.my/>. Tatacara yang perlu diambil sewaktu permohonan secara atas talian dibuat adalah:-
- (i) Borang permohonan hendaklah diisi lengkap dan diperakukan oleh Pemohon atau orang yang diberi kuasa oleh Pemohon secara atas talian. Jika Pemohon merupakan sebuah syarikat, orang yang diberi kuasa hendaklah di kalangan pegawai syarikat sahaja. Mana-mana permohonan dan perakuan yang dibuat

⁶ ss.22B Akta Kastam 1967, ss.6(6) Akta Eksais 1976, ss.28 Akta Cukai Jualan 2018, ss.28 Akta Cukai Perkhidmatan 2018, ss.29 Akta Levi Pelepasan 2019, ss.46 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan ss.29 Akta Cukai Pelancongan 2017.

menerusi ejen cukai atau peguam bagi pihak pemohon adalah tidak dibenarkan;

- (ii) Alasan permohonan semakan semula hendaklah dinyatakan dengan jelas;
- (iii) Pemohon juga perlu memuat naik dokumen sokongan permohonan seperti mana berikut:
 - a) Surat keputusan Ketua Pengarah Kastam;
 - b) Salinan cetakan borang permohonan semakan semula yang lengkap ditandatangani; dan
 - c) Lain-lain dokumen untuk menyokong alasan permohonan semakan (jika berkaitan).

13. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses. Pemohon akan dimaklumkan secara bertulis jika permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap. Permohonan semakan semula akan diproses oleh Unit Semakan Semula dalam tempoh 60 hari atau tempoh munasabah dari tarikh dokumen lengkap diterima.

TANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI / CUKAI / LEVI

14. Apa-apa duti, cukai atau levi yang genap masa dan kena dibayar hendaklah dijelaskan walaupun permohonan semakan semula telah dikemukakan.⁷

SOALAN-SOALAN LAZIM

S1. Apakah keputusan yang layak disemak semula?

Keputusan yang layak disemak semula adalah keputusan muktamad yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam atau mana-mana pegawai kanan kastam bagi pihak Ketua Pengarah Kastam secara bertulis di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Levi Pelepasan 2019, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Akta Zon

⁷ ss.143(6) Akta Kastam 1967, ss.47(6) Akta Eksais 1976, ss.96(6) Akta Cukai Jualan 2018, ss.81(6) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, ss.59(3) Akta Levi Pelepasan 2019, ss.124 Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014, ss.67 Akta Cukai Pelancongan 2017, dan ss.46 Akta Zon Bebas 1990

Bebas 1990.

S2. Bolehkah keputusan Ketetapan Kastam yang dikeluarkan oleh JKDM di bawah seksyen 10B Akta Kastam 1967 disemak semula?

Boleh.

S3. Adakah permohonan remisi penalti yang dikenakan di bawah Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Levi Pelepasan 2019, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Cukai Pelancongan 2017 boleh dibuat melalui semakan semula?

Permohonan remisi penalti kali pertama hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah Kastam. Mana-mana keputusan permohonan remisi (kali pertama) yang ditolak boleh dikemukakan untuk semakan semula.

S4. Bilakah permohonan semakan semula boleh dibuat?

Permohonan semakan semula hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pemberitahuan mengenai keputusan Ketua Pengarah Kastam dengan syarat tiada rayuan difailkan ke Tribunal atau Mahkamah Tinggi atas keputusan yang sama.

S5. Syarikat XX telah membuat tuntutan pulang balik duti import dan cukai jualan yang telah dibayar setelah barang yang diimport tersebut dieksport semula. Bagaimanapun, permohonan tersebut telah ditolak dan menerima surat keputusan. Jika syarikat ingin membuat permohonan semakan semula berapakah borang permohonan perlu diisi?

Syarikat hanya perlu mengisi satu borang permohonan sahaja kerana satu permohonan semakan adalah untuk satu keputusan.

MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

15. Sebarang maklum balas dan pertanyaan boleh dikemukakan –
- (i) melalui emel ke alamat emel semakan@customs.gov.my
 - (ii) menghubungi pegawai Unit Semakan Semula di talian telefon : 03-8882 2100 atau [Klik Di Sini](#); atau
 - (iii) secara bersurat dan dihantar secara sendiri atau pos ke alamat di bawah:

**Unit Semakan Semula,
Cawangan Pendakwaan, Penguatkuasaan ABT dan Rayuan,
Bahagian Penguatkuasaan,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Level 6B, Skytech Tower 1,
MKN Embassy Techzone,
Jalan Teknorat 2, Cyber 4,
63000 Cyberjaya, Selangor.**